

**IMPAK KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM  
KESAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

***IMPACT OF EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG ISLAMIC EDUCATION  
TEACHERS BY THE IMPLEMENTATION OF MOVEMENT CONTROL ORDER***

Mohd Syaubari Othman

*Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia*

[syaubari@fpm.upsi.edu.my](mailto:syaubari@fpm.upsi.edu.my)

Mohd Ridhuan Mohd Jamil

*Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia*

*Submission Date: 20<sup>th</sup> February 2021*

*Acceptance Date: 15<sup>th</sup> May 2021*

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti impak kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru di Daerah Manjung kesan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP). Kajian ini melibatkan GPI yang mengajar di Daerah Manjung sama ada di sekolah rendah dan sekolah menengah. Impak daripada pelaksanaan PKP diteliti daripada empat indikator iaitu penggunaan literasi komputer, pengajaran secara online, akses internet terhad dan kesediaan pelajar. Indikator ini di analisiskan dan dihubungkan kepada empat elemen kecerdasan emosi guru iaitu Kesedaran Kendiri, Pengawalan Kendiri, Motivasi Kendiri, Empati dan Kemahiran sosial. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif. Kesemua instrumen pengutipan data ini dibina oleh pengkaji dengan pengubahsuaian daripada instrumen daripada kajian-kajian yang terdahulu dan kandungannya disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang diperoleh adalah tinggi iaitu antara (0.82173). Seramai 171 orang guru dipilih secara rawak mudah untuk menjawab instrumen soal selidik yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapatkan impak kecerdasan emosi GPI berdasarkan pelaksanaan PKP adalah berada pada tahap sederhana berdasarkan dapatan dan analisis soal selidik yang diperolehi. Implikasi dan cadangan yang dikemukakan meletakkan keperluan untuk kementerian, sekolah, guru dan masyarakat mempertingkatkan tahap kefahaman pengurusan emosi kepada GPI berkaitan impak kepada pelaksanaan PKP dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan.

**Kata Kunci:** Kecerdasan Emosi, Guru Pendidikan Islam, Perintah Kawalan Pergerakan, Pandemik Covid-19.

**Abstract:** This study aims to identify the impact of emotional intelligence among teachers in Manjung District the impact of the implementation of movement control orders (MCO). This study involved IET who teach in Manjung District in both primary and secondary schools. The impact of the implementation of PKP is examined from four indicators, namely the use of computer literacy, online teaching, limited internet access and student readiness. These indicators are analyzed and linked to the four elements of teachers' emotional intelligence, namely Self-Awareness, Self-Control, Self-Motivation, Empathy and Social Skills. This study uses descriptive analysis. All these data collection instruments were constructed by the researcher with modifications from the instruments from previous studies and their contents were validated by an expert reference panel. The level of Cronbach's alpha reliability value obtained is high that is between (0.82173). A total of 171 teachers were selected at simple random to answer the prescribed questionnaire instruments. Overall, the results of the study found that the impact of IET emotional intelligence based on the implementation of PKP is at a moderate level based on the findings and analysis of the questionnaire obtained. The implications and recommendations put forward place a need for ministries, schools, teachers, and the community to enhance the level of understanding of emotional management to the IET in relation to the impact on the implementation of PKP in ensuring the teaching and learning process is implemented effectively.

**Keywords:** *Emotional Intelligence, Islamic Education Teachers, Movement Control Order, Covid-19 Pandemic.*

## Pengenalan

Umum mengetahui pada penghujung tahun 2019, seluruh dunia digemparkan dengan penularan wabak COVID-19 yang mana wabak ini mula dikesan di Wuhan, China. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengisyiharkan wabak ini sebagai pandemik setelah ia merebak secara global melibatkan kebanyakan negara di seluruh dunia (Cucinotta & Vanelli, 2020). Penularan wabak Covid-19 telah berlaku dengan pantas. Menurut laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 10 Oktober 2020 menunjukkan jumlah kes COVID-19 telah mencecah 36 juta dengan lebih dari 1 juta kematian diseluruh dunia. Di Malaysia jumlah kes positif telah mencecah angka 15,096 dan kematian sebanyak 155 orang (Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020) sekaligus wabak yang melanda Malaysia ini telah memberi kesan yang sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan negara.

Krisis wabak COVID-19 yang meningkat dan menjangkiti rakyat Malaysia menyebabkan Kerajaan terpaksa mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah untuk memutuskan rantaian pandemik COVID-19 daripada terus merebak. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah dilaksanakan secara berperingkat sehingga ke fasa terakhir Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir pada 31 Disember 2020. Polemik dari wabak yang berlaku telah mencetuskan implikasi besar kepada setiap aspek iaitu politik, ekonomi dan sosial serta mendapat pelbagai reaksi negatif masyarakat. Ini kerana, perintah yang dikeluarkan itu menyebabkan penduduk Malaysia perlu tinggal di rumah dan tidak lagi dibenarkan untuk melaksanakan tugas harian di luar seperti kebiasaan.

Justeru, senario yang berlaku memerlukan individu beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan norma baharu ini (Abdul Rashid Aziz, 2020). Salah satu impak dari PKP yang dilaksanakan di negara ini adalah dari segi kesan terhadap sektor pendidikan. Hal ini kerana, institusi pendidikan terpaksa ditutup sebagai usaha membantu kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam masyarakat. Kebanyakan sekolah, institusi pendidikan dan kolej-komuniti perlu ditutup semasa PKP yang menyebabkan pentadbiran, pengurusan sekolah, proses pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan telah terjejas. Ini memerlukan pengubahsuaian kaedah dan tindakan yang lebih progresif daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan asas matlamat pendidikan dapat terus dicapai. Oleh itu antara alternatif yang dilaksanakan oleh KPM adalah pelaksanaan PdPR (KPM, 2020).

Namun begitu terdapat rungutan dari guru yang menyatakan beban kerja, tumpuan pelajar, penggunaan teknologi dan kehadiran pelajar semasa menggunakan medium maya lebih kritikal berbanding bersemuka di dalam kelas (PPD Manjung, 2020). Oleh itu, ruang penambahbaikan dalam pengajaran PdPR perlu dipertingkatkan kerana banyak isu yang dibangkitkan terutama kesediaan pelajar dan guru menerima kaedah ini sebagai sebahagian daripada normal baharu dalam pendidikan. Kajian daripada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tentang kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR menunjukkan banyak masalah yang dihadapi ketika melaksanakan PdPR.

Antaranya 70-80 peratus guru melaporkan cabaran utama melaksanakan PdPR adalah kesukaran mendapatkan perhatian pelajar selain masalah kekurangan peralatan, kelemahan infrastruktur dan capaian internet. Kehadiran murid yang mengikuti PdPR pula tidak mencapai 80 peratus dan kebanyakan murid tidak memberikan fokus kerana suasana rumah yang tidak kondusif. Kajian itu juga menunjukkan 50-60 peratus guru tidak selesa melaksanakan pengajaran secara dalam talian dan 50-60 peratus guru melaksanakan PdPR dalam tempoh antara satu dan dua jam sahaja. Kemahiran guru menggunakan peralatan IT secara dalam talian pula hanya sekitar 50-60 peratus manakala hanya 40-50 peratus sahaja guru yang mahir mempelbagaikan pengajaran secara dalam talian.

Namun berdasarkan kajian (Saavedra, A. & Opfer, V. (2012), elemen pengajaran yang menghadapi kekangan sama ada dari aspek bencana, gangguan pentadbiran dan perang yang mengakibatkan sesi pengurusan dan pengajaran & pembelajaran tidak dijalankan sepenuhnya menimbulkan asas gangguan kepada emosi guru. Untuk itu menjadi keperluan kajian ini dilaksanakan bagi meneliti dari aspek kesan pandemik Covid 19 kepada emosi GPI dengan fokus kepada GPI yang berada di Daerah Manjung.

### **Pengurusan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Guru**

Goleman (2015) menyarankan lima faktor penyumbang kepada kecerdasan emosi. Faktor-faktor tersebut ialah: (1) Kesedaran Kendiri (*self-awareness*), (2) Pengawalan Kendiri(*self-regulation*), (3) Motivasi Kendiri (*self-motivation*), (4) Empati dan (5) KemahiranSosial (*social skills*). Faktor penyumbang pertama iaitu kesedaran kendiri bermaksud kebolehan seseorang untuk mengetahui perasaan dalam satu-satu situasi dan keupayaan untuk memilih keutamaan panduan dalam membuat keputusan.Seseorang yang mempunyai kesedaran kendiri juga mempunyai penilaian yang realistik tentang keupayaan diri dan mereka mempunyai keyakinan diri yang utuh.Pengawalan kendiri (*self-regulation*) dimaksudkan sebagai kebolehan mengurus emosi agar iaanya memudahkan dan bukannya mengganggu dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Individu yang berupaya mengawal diri dan perasaan negatif. Individu sedemikian juga cepat pulih dari pada tekanan emosi.Individu yang mempunyai motivasi kendiri (*self-motivation*) berupaya menggunakan kehendak diri dalam menggerak dan memandu arah mereka untuk mencapai sesuatu tujuan. Motivasi kendiri boleh membantu seseorang dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri. Individu dengan motivasi kendiri yang tinggi sentiasa tabah apabila menghadapi masalah atau keadaan kekecewaan yang tinggi.

Pengurusan emosi ini terjadi kepada semua individu termasuk profesion seorang guru. Tahap kecerdasan emosi guru perlu dikenal pasti untuk melihat hubungannya dengan elemen-elemen lain dalam persekitaran pekerjaan, misalnya terhadap komitmen organisasi. Kecerdasan emosi dianggap penting dan mempunyai hubungan yang positif dengan komitmen tugas individu tetapi perkaitan tersebut sering diabaikan kerana komitmen tugas biasanya dikaitkan dengan kepuasan pekerjaan (Mohd Khairuddin Abdullah, Maspiah Sekong, Halimah Laji, 2017). Keberkesaan dan kejayaan seseorang guru juga dikaitkan dengan kebolehannya mengurus dan menangani emosi negatif secara berkesan (Michael, 2006). Malah guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dapat memenuhi keperluan organisasi dan meminimumkan konflik dalam pekerjaan. Salah satu pertimbangan yang perlu difikirkan untuk mengurangkan konflik yang dihadapi seseorang guru dalam organisasi pendidikan adalah dengan cara meningkatkan kecerdasan emosinya. Selain mempengaruhi hasil kerja dan kreativiti, kecerdasan emosi juga dianggap dapat meningkatkan komitmen organisasi guru (Nahid, 2012).

Bermakna individu yang mempunyai tahap EQ yang tinggi akan menunjukkan komitmen yang baik terhadap kerjaya mereka. Guru adalah insan yang cukup istimewa lantaran tanggungjawab dan amanah yang terpaksa dipikul untuk mendidik manusia menjadi insan yang berperibadi mulia, berakhlak tinggi dan kamil. Guru merupakan contoh, oleh itu sudah semestinya guru menunjukkan contoh yang baik dan mereka haruslah mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Perkembangan yang pesat dalam arus globalisasi, guru juga tidak ketinggalan akan mengalami pelbagai cabaran sekolah.

Goleman (2015 Mohd Khairuddin Abdullah et al, 2017) seterusnya mengemukakan pandangan bagaimana suatu situasi dapat menwujudkan reaksi emosional. Di sini, membawa maksud seseorang guru itu mempunyai hubungan yang kuat kepada perkara yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai contoh sekiranya, sesuatu tempat dilandar banjir, maka kesan emosi akan berlaku kepada semua yang terlibat termasuk guru. Malahan kajian menunjukkan, guru adalah kelompok pekerja yang setia dan taat kepada matlamat organisasi bukan sahaja akan menjalankan tugasnya dengan sedaya upaya, malah mereka sudi mengorbankan kepentingan diri apabila diperlukan demi kepentingan organisasi. Oleh itu,

menerusi kajian ini, keperluan untuk menganalisis emosi guru-guru impak daripada penularan wabak pandemic Covid 19 menjadi suatu keutamaan.

Maka gabungan daripada teori-teori ini maka terhasil kerangka kecerdasan emosi yang boleh diterjemahkan kepada empat elemen utama dengan dihubungkan dengan impak pandemic Covid 19 iaitu. (1) Kesedaran Kendiri (*self-awareness*), (2) Pengawalan Kendiri (*self-regulation*), (3) Motivasi Kendiri (*self-motivation*), (4) Empati dan (5) Kemahiran Sosial (*social skills*).

### **Pernyataan Masalah**

Malaysia telah merangka wawasan Pelan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan lonjakan kemajuan negara, namun pandemik COVID-19 yang berlaku telah memberi impak yang begitu besar kepada sektor ekonomi termasuk sektor pendidikan. Kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (2020) menunjukkan 40% yang mengikuti pembelajaran secara dalam talian pada peringkat permulaan pelaksanaan PKP dan berdasarkan insiatif yang dilaksanakan oleh KPM, peningkatan peratusan berlaku secara berterusan.

Kajian-kajian terdahulu juga memperlihatkan kerjaya guru di Malaysia memberikan tekanan jika ada berlakunya sesuatu perubahan seperti contoh perubahan kurikulum, kaedah pelaksanaan, penilaian dan sebagainya. Keadaan tersebut seterusnya memberi kesan kepada situasi emosi guru (Chua & Adi, 2002). Peristiwa dan laporan media massa berkaitan tindakan agresif dan cetusan emosi negatif yang berlaku dalam kalangan guru-guru menggambarkan tahap kestabilan dan kematangan emosi individu tersebut (Noriah et al., 2003). Perubahan yang sentiasa berlaku menyebabkan tugas guru semakin banyak di samping harapan masyarakat terhadap guru juga semakin tinggi. Guru berhadapan dengan pelbagai bentuk perubahan sama ada di dalam atau luar profesiannya (Omar & Khuan, 2005).

Dapatan NUTP mendapati seramai 14,043 responden menolak PdPR 2.0 dan seramai 16,554 responden yang juga ibu bapa memohon Kementerian Pendidikan (KPM) menambah baik kaedah pembelajaran itu. Manakala kajian oleh (Mohd Syaubari 2020) menunjukkan maklum balas yang diterima guru berkaitan untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran, terutama mereka yang membabitkan golongan tidak berpeluang menyediakan peralatan telekomunikasi. Maklum balas ini juga seiring dengan apa yang dihadapi oleh guru khususnya di luar bandar. Keadaan ini telah mencetuskan polemik khususnya dari aspek emosi kepada guru-guru. Indikator daripada ini berdasarkan dapatan daripada (KPM,2020) empat aspek yang mempengaruhi guru dalam PKP iaitu tahap penggunaan literasi computer, pengajaran secara online, akses internet terhad dan kesediaan pelajar mengikuti secara online.

Oleh itu, kajian ini merupakan permulaan kepada pengisian ruang bagi kajian-kajian mengenai kesan PKP ke atas kecerdasan emosi kepada GPI. Kajian ini mengkhususkan dari empat kriteria utama iaitu (1) Kesedaran Kendiri (*self-awareness*), (2) Pengawalan Kendiri(*self-regulation*), (3) Motivasi Kendiri (*self-motivation*), (4) Empati dan (5) Kemahiran Sosial (*social skills* bersandarkan kajian kepustakaan yang telah dilaksanakan.

### **Objektif Kajian**

- 1- Mengenal pasti aspek kecerdasan emosi GPI dengan impak daripada pengenalan PKP.
- 2- Meneneliti aspek hubungan di antara kecerdasan emosi GPI dengan impak pengenalan PKP.

## **Metodologi Kajian**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor, analisis dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009, Pallant, 2010) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan lima pemboleh ubah utama:

- 1- Kesedaran Kendiri
- 2- Pengawalan Kendiri
- 3- Motivasi Kendiri
- 4- Empati
- 5- Kemahiran sosial.

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif dan inferensi iaitu bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah. Kajian ini menggunakan dan mengubahsuaiakan instrumen kecerdasan emosi GPI dengan kesan PKP seperti yang dibangunkan oleh Majlis Keselamatan Negara agar menepati dengan objektif kajian. Selain itu, data yang diperolehi ini di analisis menggunakan instrumen yang dibentuk bersumberkan seperti berikut panduan kecerdasan emosi (Goleman, 2015), Self-Report Emotional Intelligence Test (SREIT) yang dibangunkan Schutte dan Salovey (1998) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (psikologi guru). Kesemua item ini akan dianalisis dan diubahsuai oleh penyelidik bagi menjawab objektif dan persoalan kajian Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenal pasti impak pelaksanaan PKP dengan tahap kecerdasan emosi guru.

### ***Populasi dan Sampel Kajian***

Kajian ini melibatkan guru 171 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan empat jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di daerah Manjung. Jumlah keseluruhan guru di daerah Manjung adalah 3,385 orang berdasarkan maklumat daripada Sektor Pengurusan Sekolah, Pejabat Pendidikan daerah Manjung. Untuk itu berdasarkan jadual (Krajie & Morgan, 1970, Mohd Majid, 2005; Cohen, 2007) menerusi penentuan sampel daripada populasi jumlah yang bersesuaian ditetapkan 171 orang adalah bersesuaian bagi memastikan kesahan data lebih tinggi.

### ***Pengumpulan dan Analisis Data***

Dapatan data yang diperolehi ini dianalisis oleh penyelidik bagi menjawab objektif kajian ini Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenalpasti kecerdasan emosi guru dengan pelaksanaan PKP.

Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai *Alpha Cronbach* mencatatkan (0.82173). SPSS 20.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. (Mohd Majid, 2005; Pallant, 2010). Jadual 1 menunjukkan bagi nilai kebolehpercayaan bagi kecerdasan emosi melibatkan kesedaran kendiri yang mencatatkan (0.7727), pengawalan kendiri (0.8905), motivasi kendiri (0.8020), empati mencatatkan (0.7954) dan kemahiran sosial mencatatkan 0.8124.

Seterusnya bagi nilai kebolehpercayaan bagi indikator kewangan, indikator sosial, hubungan kekeluargaan dan indikator pengangkutan.

Pembolehubah	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
<b>KECERDASAN EMOSI</b>	
Kesedaran Kendiri	0.7727
Pengawalan Kendiri	0.8905
Motivasi Kendiri	0.8020
Empati	0.7954
Kemahiran Sosial	0.8124

**Jadual 1:** Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan Korelasi Pearson.

### Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan pertama menerusi analisis deskriptif. Ini bagi menjawab objektif pertama iaitu Mengenalpasti aspek kecerdasan emosi GPI daerah Manjung impak daripada pengenalan PKP.

Bil	Pemboleh Ubah	Min	SP
1.	Kesedaran Kendiri	3.4568	.49978
2.	Pengawalan Kendiri	3.3451	.57894
3.	Motivasi Kendiri	3.4159	.49508
4.	Empati	3.6460	.48033
5.	Kemahiran Sosial	3.5575	.49889

**Jadual 2:** Analisis Min dan Sisihan Piawai untuk Pemboleh Ubah Kajian Kecerdasan Emosi GPI

Berdasarkan jadual ini, menunjukkan kesedaran kendiri mencatatkan min yang sederhana iaitu GPI dari aspek emosi memahami keupayaan kendiri dalam keadaan yang tidak sepenuhnya. Maka menjadi keperluan untuk guru memahami elemen-elemen yang dapat membangkitkan nilai kendiri untuk dipraktikkan serta ditonjolkan. Apabila kesedaran kendiri, elemen pengawalan kendiri dan motivasi kendiri juga akan berada dalam keadaan min sederhana. Ketiga-tiga elemen adalah saling berurutan dan setiap guru harus menambah baik pengetahuan khususnya dalam membangunkan nilai kendiri yang jelas dan mampu menangani sebarang permasalahan yang wujud.

Bagi elemen empati dan kemahiran sosial memperlihatkan guru-guru mencatatkan nilai sederhana yang mengambarkan sikap kasih sayang, belas kasihan, suka membantu, interaksi bersama masyarakat, terkesan dengan bencana dan kerjasama adalah sesuatu yang perlu dipertingkatkan. Ini memandangkan elemen-elemen menjadi keutamaan apabila berlaku PKP kerana tanpa kestabilan emosi sukar untuk guru-guru melaksanakan proses PdP dengan berkesan dan bersama-sama dengan masyarakat dalam mengharungi wabak pandemik ini.

Perbincangan dapatan kedua menerusi analisis inferensi. Ini bagi menjawab objektif kedua iaitu Meneneliti aspek hubungan di antara kecerdasan emosi GPI dengan impak pengenalan PKP.

Bil	Pemboleh Ubah	Min	SP
1.	Penggunaan Literasi Komputer	4.4779	.59907
2.	Pengajaran secara online	4.3540	.49858
3.	Akses Internet yang terhad	4.3650	.49910
4.	Kesediaan pelajar mengikuti secara online	4.2759	.47568

**Jadual 3:** Analisis Min dan Sisihan Piawai untuk Pemboleh Ubah Kajian Kesan Pergerakan Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas GPI

	Penggunaan Literasi Komputer	Pengajaran Secara Online	Akses Internet yang Terhad	Kesediaan pelajar online
Kesedaran Kendiri	.374**	.250**	.351*	.168*
Pengawalan Kendiri	.374*	.285**	.392**	.072
Motivasi Kendiri	.285**	.250*	.436**	.065
Empati	.392**	.436**	.351*	.044
Kemahiran Sosial	.072	.065	.044	.168*

N=171 P<0.01\* P<0.05\*\*

**Jadual 4:** Analisis Korelasi antara Hubungan di antara Kecerdasan Emosi GPI dengan Impak Pengenalan PKP

Berdasarkan analisis menunjukkan hubungan di antara kesedaran kendiri berada pada tahap sederhana tinggi dengan penggunaan literasi komputer, pengajaran secara online dan akses internet terhad manakala hubungan dengan kesediaan pelajar mengikuti kelas online berada pada keadaan sederhana. Dapatkan ini menunjukkan perlu guru meningkatkan elemen kesungguhan, komitmen dan persediaan yang secukupnya dalam pelaksanaan PdPr kerana di dapat masih terdapat ruang menambahbaik PdPr yang khususnya dilaksanakan semasa PKP ini.

Berdasarkan analisis menunjukkan hubungan di antara pengawalan kendiri berada pada tahap sederhana tinggi dengan penggunaan literasi komputer, pengajaran secara online dan akses internet terhad manakala hubungan dengan kesediaan pelajar mengikuti kelas online berada pada keadaan sederhana. Dapatkan ini menunjukkan guru perlu mempertingkatkan ketahanan untuk menghadapi faktor-faktor luaran khususnya ketika PKP dan PdPr dilaksanakan. Faktor luaran seperti kekangan untuk merentas negeri, anak-anak tidak dapat kembali ke rumah, harga barang dan penutupan tempat-tempat tumpuan. Maka menjadi keperluan untuk mengawal faktor luaran ini dalam memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Berdasarkan analisis menunjukkan hubungan di antara motivasi kendiri berada pada tahap sederhana tinggi dengan penggunaan literasi komputer, pengajaran secara online dan akses internet terhad manakala hubungan dengan kesediaan pelajar mengikuti kelas online berada pada keadaan sederhana. Dapatkan ini menunjukkan guru-guru terkesan dengan PKP berada pada tahap perlu mempertingkatkan tahap motivasi agar prestasi pelajar dapat ditingkatkan.

Berdasarkan analisis menunjukkan hubungan di antara motivasi empati berada pada tahap sederhana tinggi dengan penggunaan literasi komputer, pengajaran secara online dan akses internet terhad manakala hubungan dengan kesediaan pelajar mengikuti kelas online berada pada keadaan rendah. Dapatkan ini menunjukkan masih perlu ditambahbaik nilai-nilai kasih sayang, kerjasama dan prihatin di kalangan guru agar untuk pelajar-pelajar yang mempunyai masalah berkaitan pembelajaran secara maya dapat diselesaikan setiap permasalahan yang wujud.

Berdasarkan analisis menunjukkan hubungan di antara kemahiran sosial berada pada tahap rendah dengan penggunaan literasi komputer, pengajaran secara online dan akses internet terhad manakala hubungan dengan kesediaan pelajar mengikuti kelas online berada pada keadaan sederhana rendah. Dapatkan ini menunjukkan tidak hubungan yang jelas di antara pelaksanaan PKP dengan aspek kemahiran sosial seperti interaksi, intrapersonal dan intrapersonal, oleh itu keperluan elemen-elemen tidak memberi impak kepada kecerdasan emosi guru.

### **Perbincangan Keseluruhan**

Perbincangan berkaitan hasil dapatan kajian telah di analisis secara kolerasi adalah berdasarkan aspek hubungan di antara kecerdasan emosi guru dan impak perintah kawalan pergerakan. Data ini di analisis berdasarkan soal selidik bagi menjawab objektif kedua.

#### ***Hubungan Kesedaran Kendiri dan Impak Perintah Kawalan Pergerakan***

Penyelidik mendapati kecerdasan emosi bagi aspek kesedaran kendiri dengan impak pelaksanaan PKP di kalangan guru-guru berada berada pada tahap sederhana rendah berdasarkan data yang menunjukkan (.374, .250, .351 dan .168). Berdasarkan dapatan kajian ini memperlihatkan guru yang mempunyai keupayaan pengurusan diri seperti tidak berupaya menangani masalah kewangan, masalah keluarga dan masalah pergerakan akan mengakibatkan kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Namun ia bukan faktor utama yang mempengaruhinya. Dapatkan seiring dengan kajian oleh Hall dan Hord (2014) yang menjelaskan bahawa dalam melaksanakan suatu perubahan kesedaran, guru perlu menjadi fasilitator perubahan melalui dimensi pembangunan kendiri kepada orang lain, kecekapan organisasi dan strategi perubahan.

Ini membuktikan PKP akan mempengaruhi elemen kendiri guru dan seterusnya menjelaskan proses PdP di dalam bilik darjah. Namun beberapa elemen yang perlu penambahbaikan adalah berkaitan kesedaran kendiri guru untuk mempengaruhi pelajar dalam pelaksanaan pengajaran. Ini mungkin disebabkan kekangan penggunaan peranti, masa dan pendekatan online yang diperuntukkan adalah terhad. Dari segi keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud kecerdasan emosi yang sederhana rendah dari aspek kesedaran kendiri di kalangan GPI.

#### ***Hubungan Pengawalan Kendiri dan Impak Perintah Kawalan Pergerakan***

Kecerdasan emosi guru dari aspek indikator sosial pada berada pada tahap sederhana rendah berdasarkan data yang menunjukkan (.374, .285, .392, .072). Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan pengawalan kendiri guru adalah perlu dalam membuat keputusan sekiranya situasi kesihatan di sekolah berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Ini menunjukkan masih terdapat aspek keupayaan guru-guru untuk melaksanakan tindakan yang positif dan proaktif khususnya ketika proses PKP dan jelas dalam keupayaan membuat keputusan dalam kalangan guru. Ini seiring dengan dapatan guru perlu mempersiapkan diri dalam segala aspek apabila berhadapan dengan dunia yang berubah-ubah agar dapat mengadaptasi apa juu keadaan (Drucker, 2017).

Namun beberapa penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan guru mempunyai sifat empati untuk pelajar memahami objektif walaupun pendekatan secara secara maya dilaksanakan. Keperluan untuk guru sentiasa bersikap positif dan mengaplikasi apa yang diketahui adalah penting walaupun pendekatan ini yang sukar dilaksanakan di peringkat sekolah kerana keranankekangan dari aspek S.O.P.

### ***Hubungan Motivasi Kendiri dan Impak Perintah Kawalan Pergerakan***

Impak daripada PKP dengan motivasi kendiri berada pada tahap sederhana tinggi berdasarkan data iaitu (.285, .250, .436 dan .065). Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan guru sentiasa bermotivasi dalam proses memastikan pelaksanaan pengajaran dapat dilaksanakan walaupun dalam kekangan PKP. Ini membuktikan GPI sentiasa merefleksi diri bagi membentuk perhubungan yang rapat bersama dengan pelajar walaupun sewaktu mengendalikan PdPr. Ini seiring dengan kajian oleh (Fatin Aliah Phang, 2020) Pelaksanaan pembelajaran atas talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran motivasi yang stabil. Pelajar tidak boleh lagi menggunakan set pemikiran dahulu iaitu menunggu cikgu atau pensyarah untuk bercakap atau berkuliah baharu mula belajar. Untuk membina motivasi kendiri kepada pelajar, guru perlu membina keupayan kendiri yang baik dan keadaan perlu dilaksanakan secara berterusan.

Namun begitu, keperluan menambah baik pembangunan motivasi setiap guru menjadi teras penting dalam memastikan guru berupaya mengendalikan emosinya dengan baik dan pihak pentadbir sekolah perlu memperbanyakkan program-program pembangunan nilai kendiri sama ada menerusi LIVE STREAMING atau WEBINAR yang bersesuaian.

### ***Hubungan Empati dan Impak Perintah Kawalan Pergerakan***

Impak daripada PKP dengan empati berada pada tahap sederhana tinggi berdasarkan data iaitu (.392, .436, .351 dan .044. Ini membuktikan guru sentiasa berkeupayaan menguruskan tekanan untuk datang ke tempat kerja disebabkan berlakunya tambahan pengangkutan untuk sampai ke sekolah, tambahan lagi semasa perintah kawalan pergerakan yang memerlukan kepatuhan S.O.P dilaksanakan, Ini menambah lagi masa dan kesukaran kepada guru untuk sampai ke sekolah.

Impak PKP dari aspek hubungan empati dapat diteliti dari aspek bagaimana pentafsiran rasa keseronakkan kerja dapat dihayati oleh guru. Penghayatan kerja dilaksanakan walaupun terdapat kekangan dari aspek perhubungan kerana melibatkan secara maya. Untuk penambahbaikan, pihak guru, sekolah, komuniti setempat dan kementerian perlu membentuk suatu perkumpulan dalam memantau proses nilai empati dalam kalangan guru. Ini seiring dengan dapatan kajian oleh Cramer (2003) yang menjalankan kajian ke atas 86 pelajar wanita dan 58 pelajar lelaki mendapati tiada perkaitan yang signifikan antara empati dengan tekanan ditempat kerja. Walaubagaimana pun dapatan kajian ini bertentangan dengan beberapa kajian lepas misalnya kajian oleh Colbert dan Hegland (1997) yang mendapati di kalangan guru-guru menunjukkan penghargaan kendiri dan empati apabila melibatkan situasi bersama pelajar walaupun dalam situasi persekitaran yang tidak menentu.

### ***Hubungan Kemahiran Sosial dan Impak Perintah Kawalan Pergerakan***

Impak daripada PKP dengan kemahiran sosial berada pada tahap rendah berdasarkan data iaitu (.072, .065 .044 dan .168. Ini menunjukkan tiada hubungan PKP telah menyebabkan kemahiran sosial seperti terjejasnya hubungan interpersonal dan intrapersonal dengan pelajar, ibu bapa atau komuniti setempat. Malahan sekarang, banyak alternatif perhubungan dapat digunakan seperti media sosial, telefon dan media elektronik.

Ini seiring dengan dapatan pandangan Kail (2001) yang menyatakan pengalaman dan pendedahan awal menerusi proses sosialisasi akan memberikan keyakinan kepada guru dan pelajar serta ianya akan menjadi bekalan untuk berkembang dengan positif walaupun ada kekangan dalam sesuatu situasi.

## Kesimpulan

Kajian ini merumuskan kepelbagaian kecerdasan emosi GPI berada pada tahap sederhana impak daripada PKP. Untuk itu, GPI perlu berfokuskan kepada keterikatan perhubungan dari semua aspek pemegang taruh sama ada di pihak kerajaan, komuniti masyarakat, guru, ahli keluarga, pentadbir sekolah dan pelajar. Keseluruhan elemen berupaya membentuk jalinan emosi yang lebih stabil dan tersusun dalam menangani wabak pandemic Covid 19 ini.

Rumusannya keseluruhan daripada dapatan kajian ini dapat mengukuhkan dan memantapkan keperluan untuk kecerdasan emosi dalam memahami beberapa persoalan-persoalan baru agar kefahaman masyarakat dapat diperolehi sebagai garis panduan di dalam memastikan kemampunan kehidupan manusia dapat diteruskan walaupun di landa musibah Covid 19.

## References

- Ab Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep “*muallim*”. *Journal Islamic and Arabic Education* 2(1) 43-56.
- Abdullah Nasih Ulwan (2002), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Amabile, Hennessey, B. A, and, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology*; 61, 569-598.
- Asmawati Suhid, dan Fathiyah Mohd Fakhruddin, (2012) *Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: bala tuju dan cabaran*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (4). pp. 57-70. ISSN 1985-6236.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran pengaturan kendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. *Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Brookhart, S. (2010), *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*, ASCD.
- Caroline@Lorena David dan Abdul Said Ambotang (2014). *Profesionalisme guru novis dalam pengurusan pengetahuan, kesediaan mengajar dan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap pelaksanaan pengajaran di sekolah*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.
- Cohen, J. Lawrence Manion and Keith Morrison (2007). *Research Method in Education*. London; Routledge, Francais and Taylor Group.
- Creswell, J. W. (2009). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Drucker, P. F. (2007). *Management Challenges for the 21st Century*. Burlington, MA: Elsevier
- Hall, G. E. & Hord, S. M. (2014). *Implementing Change: Patterns, Principles and Potholes*. Edisi ke-4. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step-by-Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4<sup>th</sup> Edition*, Crows West, New South Wales.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). *Faktor pentadbir dan pengetua dalam kecemerlangan guru cemerlang Pendidikan Islam dan guru di sekolah menengah: satu kajian kes*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (1). pp. 13-20. ISSN 1985-6236.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairiah Binti Razali, (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam*. Batu Pahat. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid, T. (2010). *An Integrated Inquiry Activity in an Elementary Teaching Methods Classroom*. Science Activities: Classroom Projects and Curriculum Ideas.
- Krejcic, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample saiz for research activities, education and psychogical measurement*, 30 : 608-619.

- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran : penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kongres pengajaran dan pembelajaran; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Partnership for 21st Century Skills. (2010). *Beyond the Three Rs: Voter Attitudes Toward 21st Century Skills*. Tucson, AZ.
- Phi Delta Kappan, 94(2), 8-13.
- Rosnani Hashim. (2012). *Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century*. American Journal of Islamic Social Sciences, 22(4): 133-147.
- Saavedra, A. & Opfer, V. (2012). *Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching*.
- Sarmah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim. (2011). Kajian persepsi pelajar terhadap personaliti dan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor. *Prosiding penyelidikan international conference and exhibition on research Islamic And Arabic language education*. Bangi : Association of Malaysian Muslim Intellectual.
- Sidek Baba. (2010). *Kehidupan Sejahtera Atas Pendidikan Bersepadu*. Pendidik Bilangan 73.
- Siti Marlina Binti Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah. (2013) : Pengajaran kemahiran berfikir : persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah : *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Tanjung Malim; Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Mat bin Sulaiman dan Hjh Norkhairiah Binti Pg Hj Hashim. (2011). *Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam*. Journal of Applied Research in Education, Vol 15, No.1 & 2, 2011, pp.43-58.